

KUALA LUMPUR, 8 APRIL (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENDEDAHKAN ADANYA SEBAHAGIAN DARIPADA PARA PELAJAR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI YANG MERANCANG UNTUK MENGADAKAN KEKACAUAN DI KAMPUS MEREKA APABILA TAHUN AKADEMIK 1975-76 BERMULA BULAN DEPAN.

MENURUT BELIAU, PELAJAR-PELAJAR TERSEBUT SEKARANG SEDANG GIAT MENCETAK RISALAH-RISALAH DAN BERAZAM UNTUK MENGADAKAN BERBAGAI PERISTIWA DALAM KAMPUS UNIVERSITI UNTUK MENENTANG PINDAAN-PINDAAN AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI.

RANCANGAN TERSEBUT TERBIT DARIPADA ANGGAPAN MEREKA BAHAWA

TIDAK ADA SEBARANG KUASA SAMADA PIHAK KERAJAAN ATAU PUN UNIVERSITI YANG BOLEH MENGAMBIL TINDAKAN SEKIRANYA MEREKA MENGHADKAN KEGIATAN DI DALAM KAWASAN KAMPUS SAHAJA, TEGASNYA.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG MEMINDA AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI DI DEWAN RAKYAT PETANG INI.

RANG ITU ANTARA LAIN BERTUJUAN MENGENAKAN PERATURAN YANG LEBIH KETAT UNTUK MENYEKAT KEGIATAN-KEGIATAN PELAJAR YANG BOLEH MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA.

IA JUGA MEMBERI KUASA KEPADA YANG DIPERTUAN AGUNG MEMBUAT PERLANTIKAN PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI SEPERTI CANSELOR DAN NAIB CANSELOR DAN TIDAK LAGI OLEH JEMAAH ATAU PUN MAJLIS UNIVERSITI.

SALAH SATU DARIPADA PINDAAN ITU MEMBERI KUASA KEPADA NAIB CANSELOR MELANTIK DEKAN DAN TIMBALAN DEKAN SERTA MEMBUAT SYUR BAGI MENGUBAH PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MASING-MASING.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN RANCANGAN PELAJAR-PELAJAR TERSEBUT SUDAH TENTU AKAN MENGHANCURKAN SUASANA PELAJARAN DALAM UNIVERSITI-UNIVERSITI DI NEGARA INI. -- BERSAMBUNG 1917/ZCM

MEREKA, KATANYA, TERUTAMANYA MAHU MENYEKAT SISWA-SISWI BARU DARIPADA MENERUSKAN PELAJARAN GUNA MEMPENGARUHI MEREKA MENYERTA DALAM TUNJUK-TUNJUK PERASAAN.

BELIAU MENINGGATKAN MEREKA ITU BAHAWA TINDAKAN LIAR SEPERTI ITU BUKAN SAHAJA MENJEJASKAN USAHA KERAJAAN BAGI MEMPERSEIMBANGKAN KEDUDUKAN ANTARA KAUM MALAHAN BOLEH MENOLONG KOMUNIS DI HUTAN DENGAN MENGALIHKAN PERKATIAN PASUKAN KESELAMATAN DARIPADA MENUMPUN TENAGA UNTUK MENCEGAH PENGGANAS KOMUNIS KEPADA MENJAGA KETENTERAMAN DALAM KAMPUS-KAMPUS UNIVERSITI.

DR. MAHATHIR MEMBERI AMARAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN HANYA +BERSELOROH DAN BERMAIN-MAIN+ TERHADAP PIHAK-PIHAK YANG MERANCANG UNTUK MENENTANG PINDAAN TERSEBUT.

+BARANG SIAPA YANG MELAKUKAN SESUATU YANG BOLEH MENOLONG PIHAK GERILA KOMUNIS SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG MESTILAH SANGCUP MENERIMA AKIBAT TINDAKAN UNDANG-UNDANG NEGARA,+ UGARNYA.

+APA-APA RANCANGAN MENENTANG UNDANG-UNDANG INI YANG TIDAK DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG DAN DIANGGAP BOLEH MELEMAHKAN KEDUDUKAN NEGARA AKAN DIHADAPI DENGAN TINDAKAN YANG SEGERA DAN TEPAT.+ -- BERSAMBUNG 1924/ZCM

PARLIMEN-UNIVERSITI 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN MENJANGKA AKAN MENERIMA KECAMAN-KECAMAN DARIPADA GOLONGAN YANG MENDEWAKAN DIRI MEREKA SEBAGAI JAGUH-JAGUH KEBEBASAN AKADEMIK DI DALAM DAN LUAR NEGERI BERIKUTAN DENGAN PINDAAN ITU.

KATANYA, GOLONGAN INI MENGANGGAP BAHAWA KEBEBASAN AKADEMIK BERERTI MEREKA TERKECUALI DARIPADA UNDANG-UNDANG NEGARA KERANA UNDANG-UNDANG TERSEBUT HANYA DIKENAKAN KEATAS ORANG-ORANG BIASA SAHAJA.

MEREKA PERCAYA BAHAWA TANAH DI MANA TERLETAKNYA UNIVERSITI-UNIVERSITI ADALAH SUCI DAN TIDAK MUNGKIN DIMASUKI OLEH ORANG-ORANG SEPERTI PIHAK POLIS YANG MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG.

BELIAU MENGULANGI BAHAWA KEBEBASAN AKADEMIK TIDAK BERMAKNA BAHAWA MEREKA YANG BEKERJA DAN MENETAP DI UNIVERSITI-UNIVERSITI ADALAH BEBAS DARI UNDANG-UNDANG.

TAMBAHNYA, +BUKANLAH BERERTI BAHAWA KESALAHAN-KESALAHAN JENYAH BOLEH DILAKUKAN DI KAWASAN KAMPUS UNIVERSITI DENGAN BEBAS DARI PROSES UNDANG-UNDANG NEGARA INI.

+IA JUGA BUKAN BERMAKNA BAHAWA KAWASAN-KAWASAN UNIVERSITI BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MERANCANG DAN MELENGKAPKAN ORANG-ORANG MEMBUAT KACAU DI KAWASAN SEKELILING UNIVERSITI ATAU PUN DI SELURUH NEGARA.

MENTERI ITU MENEKANKAN BAHAWA TIDAK ADA SEBARANG SEKATAN KE ATAS KEBEBASAN AKADEMIK.

TETAPI UNDANG-UNDANG BARU ITU HANYA MELIBATKAN PIHAK BERKUASA UNIVERSITI OLEH KERANA PADA MASA-MASA LALU UNIVERSITI-UNIVERSITI TELAH GAGAL UNTUK MEMBENDUNG SERTA MENGENDALIKAN MASALAH MEREKA BERSENDIRIAN.--BERSAMBUNG 1948/SZ

644:

PARLIMEN-UNIVERSITI 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA UNDANG-UNDANG TIDAK PERLU DIADAKAN SEKIRANYA ORANGRAMAI MENGEKALKAN KEAMANAN SECARA SUKARELA.

BAGAIMANAPUN, APABILA ORANGRAMAI TIDAK DAPAT MENGEKALKAN KEAMANAN UNDANG-UNDANG ADALAH PERLU DIADAKAN BAGI MENTENTERAMKAN KEADAAN.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN, SUNGGUHPUN KERAJAAN TELAH BERUSAHA MPPERSEIMBANGKAN KEDUDUKAN PELAJARAN DI KALANGAN KAUM, MASIH TERDAPAT ORANG-ORANG YANG TIDAK SEDAR ATAU TIDAK MAHU SEDAR TENTANG KEPENTINGAN NEGARA.

MEREKA INI BERUSAHA SUPAYA KAUM BUMIPUTERA TIDAK MENDAPAT PELAJARAN SEHINGGA DI MASA-MASA KEBELAKANGAN INI MEREKA TELAH MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PENGGUNAAN TENAGA PENUNTUT UNTUK MEMBERI KUASA POLITIK KEPADA MEREKA.

OLEH SEBAB ITU, TIDAK ADA LAIN PERBUATAN YANG DIDENGAR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI SEKARANG SELAIN DARIPADA YANG MENGANGGU DAN MENGKHIANATI PELAJARAN, TERMASUK TUNJUK PERASAAN. MEREKA BERDEMONSTRASI TERHADAP APA SAHAJA.

BELIAU KESAL KERANA TUNJUK PERASAAN OLEH PARA PELAJAR BULAN DI SEMBER LALU BANYAK MELIBATKAN PENUNTUT-PENUNTUT BUMIPUTERA YANG MERUPAKAN +KAUM YANG KETINGGALAN DI BELAKANG DAN YANG MANA PELAJARAN SAHAJA YANG BOLEH MENYELAMATKAN MEREKA.+

KATANYA, PELAJAR-PELAJAR TERSEBUT BUKAN SAHAJA TELAH MENGAMBIL-ALIH KAMPUS BAHKAN MEMBUANG PIHAK BERKUASA UNIVERSITI.

BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN, TERUTAMA YANG DIPILIH SECARA DEMOKRATIK AKAN DIANGGAP GAGAL MELAKSANAKAN TANGGONGJAWABNYA JIKA TIDAK MEMERHATIKAN PENGGUNAAN HARTA DAN WANG RAKYAT SECARA SEMPURNA.

DR. MAHATHIR MENEKANKAN SEKALI LAGI BAHAWA UNDANG-UNDANG BARU ITU TIDAK AKAN CAMPURTANGAN TERHADAP PARA PELAJAR ATAU PUN KEGIATAN MEMPEROLEHI DAN MENYEBARKAN PENGETAHUAN. -- BERSAMBUNG

2002/ZCM

645.

PARLIMEN-UNIVERSITI 5 KUALA LUMPUR

TEGASNYA, +UNDANG-UNDANG BARU ITU HANYA BERTUJUAN UNTUK MENGHALANG PENGGUNAAN SECARA TIDAK SAH DAN PENYALAHGUNAAN UNIVERSITI SERTA KAWASAN-KAWASANNYA BAGI TUJUAN-TUJUAN SELAIN DARIPADA APA YANG DIFAHAMKAN UNTUK TUJUAN AKADEMIK.

+OLEH ITU TIDAK ADA SEBARANG SEBAB, SELAIN DARIPADA PERASAAN BANGGA, DAN HAK BAGI AHLI-AHLI AKADEMIK MEMBANTAH UNDANG-UNDANG INI.

+AHLI-AHLI AKADEMIK TIDAK BOLEH MENGANGGAP DIRI MEREKA SEBAGAI SATU GOLONGAN YANG TERISTIMEWA DAN TERKECUALI DARIPADA TATACARA YANG DIKEHENDAKI DARI LAIN-LAIN RAKYAT, + KATA DR. MAHATHIR.

PADA MASA-MASA LALU KERAJAAN TELAH BERSIKAP LIBERAL TERHADAP PARA PELAJAR UNIVERSITI KERANA BERPENDAPAT MEREKA ADALAH ORANG DEWASA DAN SEDAR TENTANG TANGGONGJAWAB MASING-MASING.

TETAPI KEBELAKANGAN INI TELAH NYATA SEBAHAGIAN DARIPADA MEREKA TIDAK BERTANGGONGJAWAB DAN TIDAK SEDAR AKAN AKIBAT TINDAKAN MEREKA.

KERAJAAN, TAMBAHNYA, TIDAK BOLEH MEMANDANG SEPI PERBUATAN YANG TIDAK BERTANGGONGJAWAB SEPERTI ITU.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU BAHAWA KERAJAAN SEDAR ADANYA PENUNTUT-PENUNTUT YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DENGAN KOMUNIS.

KERAJAAN JUGA SEDAR TENTANG PERLUYAN MENGAWASI PERBUATAN PENUNTUT YANG LAKRINYA TIDAK BERSIMPATI DENGAN KOMUNIS TETAPI BOLEH MENOLONG KOMUNIS, TAMBAH MENTERI ITU. --BERSAMBUNG 2020/SZ

650.

PARLIMEN-UNIVERSITI 6 KUALA LUMPUR

DR. TAN CHEE KHOON (PEKEMAS-KEPONG) BERKATA IMPLIKASI RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT LEBIH BESAR DARIPADA KESAN TEKANAN TERHADAP UNIVERSITI-UNIVERSITI DAN PARA BELIA DI NEGARA INI.

KATANYA, RANG UNDANG-UNDANG ITU MENCABAR KEBEBASAN SEMENTARA PARA BELIA PULA TERPAKSA MENGORBANKAN HAK ASASI MEREKA UNTUK DITUKARKAN DENGAN PELUANG PELAJARAN TINGGI.

DR. TAN MENDAKWA KERAJAAN TELAH SALAH TAFSIR PERASAAN DAN SEMANGAT PELAJAR-PELAJAR.

+TINDAKAN MENEKAN+ ITU, KATANYA, BUKAN SAHAJA TIDAK DAPAT MEMBENDUNG KEGIATAN POLITIK PELAJAR MALAH IA MENGUATKAN LAGI SEMANGAT MEREKA

+JIKA MEREKA TIDAK DAPAT MENJALANKAN ACTIVITI SECARA TERBUKA, MEREKA AKAN BERGERAK SECARA HARAM DAN INI AKAN MENIMBULKAN MASAALAH LEBIH BESAR KEPADA CAWANGAN KHAS DARIPADA MENGAWAL KEGIATAN PELAJAR SEKARANG INI, + KATANYA.

BELIAU MENYATAKAN RANG UNDANG-UNDANG ITU BUKAN SAHAJA MENGHAPUSKAN OTONOMI UNIVERSITI TETAPI JUGA MENYEKAT KEBEBASAN PARA BELIA. -- BERSAMBUNG 2100/ZCM

116

H. SETIAUSAHA PARLIMEN DI JABATAN PERDANA MENTERI, DR. GOH CHENG TECK, MENSIFATKAN RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT SEBAGAI LANGKAH KERAJAAN MEMBENTERAS KERUNTUHAN DISIPLIN DI BEBERAPA KAMPUS UNIVERSITI DI NEGARA INI.

SEBAGAI SEORANG BEKAS PENSYARAH, BELIAU BERKATA, IA TAHU SECARA MENDALAM KEADAAN DISIPLIN SEKURANG-KURANGNYA DI UNIVERSITI MALAYA.

BELIAU TERKENANGKAN KISAH DI MANA PARA PELAJAR BOLEH MENAIKI PENTAS SYARAHAN DAN MENYERANG PENSYARAH, PROFESOR, DEKAN DAN NAIB CHANSELOER.

PARA PELAJAR, KATANYA, BOLEH MENUNTUT SUPAYA SYARAHAN DAN TUTORIAL DIBATALKAN BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENGADAKAN PERHIMPUNAN SECARA BESAR-BESARAN SEMASA KULIAH.

DR. GOH BERKATA PINDAAN TERSEBUT BERTUJUAN MEMBERI KUASA KEPADA PENTADBIR UNIVERSITI BERTINDAK TERHADAP PARA PELAJAR YANG MENUNTUT KEBEBASAN DAN BERSIKAP SEPERTI SAMSENG ATAS ALASAN KEBEBASAN AKADEMI.

KATANYA, HAK PARA PELAJAR UNTUK MENYEUARAKAN TENGANGAN TIDAK TERJEJAS KERANA MEREKA BOLEH MENGELUARKAN PENDAPAT SECARA BERTULIS MENGENAI ISSUE-ISSUE NASIONAL.

+PARA PELAJAR DILATIH DENGAN PERBELANJAAN YANG BESAR UNTUK MENGUMPUL DAN MENGANALISA DAT-DATA SECARA SAINTIFIK.

DR. GOH BERKATA PARA PELAJAR HENDAKLAH BERUSAHA MENGUJUDKAN KESAN KE ATAS KERAJAAN MELALUI DAYA PEMIKIRAN MEREKA DAN BUKAN MENE-RUSI DEMONSTRASI. -- BERSAMBUNG 2133/ZCM

KEPADA KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI YANG BERPENDAPAT RANG UNDANG-UNDANG ITU MEMBERIKUASA LEBIH KEPADA NAIB CHANSELOER, BELIAU MENGGESA MEREKA MENGHARGAI RANG UNDANG-UNDANG ITU YANG BERTUJUAN UNTUK MENGHENTIKAN KEADAAN TIDAK TENTERAM DI KAMPUS DAN BUKAN UNTUK TUJUAN LAIN.

BELIAU MENGGESA MEREKA BEKERJASAMA UNTUK MEMULIHKAN DISIPLIN DAN PENGHORMATAN DI KALANGAN PELAJAR.

DR. GOH MENGGESA MENTERI PELAJARAN MELANTIK HANYA ORANG-ORANG YANG BERKEBOLEHAN UNTUK MEMEGANG JAWATAN-JAWATAN TERTENTU DALAM UNIVERSITI-UNIVERSITI.

MENTERI PELAJARAN, KATANYA, PATUT MEMBERI JAMINAN SUPAYA GALAKAN BERDASARKAN KEMAMPUAN DIPULIHKAN SEPENUHNYA KEATAS SEMUA KAKITANGAN PENGAJAR DAN PENTADBIRAN.

BELIAU JUGA MENGGESA SUPAYA SALURAN-SALURAN TERTENTU DIADAKAN UNTUK PARA PELAJAR MENYATAKAN SUNGUTAN BERASAS TERHADAP PENTADBIRAN UNIVERSITI KEPADA MENTERI.

BEBERAPA TUNJUK PERASAAN DI UNIVERSITI MALAYA DALAM TEMPOH LIMA TAHUN YANG LALU TELAH BERASAL DARI KECUALIAN PIHAK PENTADBIRAN, KATANYA. -- BERSAMBUNG

HUJI EMBONG YAHYA (BN-LEDANG) MENGANGGAP PINDAAN ITU V-ADIL DAN KENA PADA TEMPATNYA+ KERANA IA AKAN MENGHALANG PELAJAR-PELAJAR DARI MELIBATKAN DIRI DALAM PARTI-PARTI POLITIK TERMASUK PARTI PEMERINTAH.

PINDAAN ITU HARUS DIPANDANG SEBAGAI SATU USAHA MENJAGA PARA PELAJAR JANGAN MENYELEWENG DARI TUJUAN BELAJAR.

BELIAU MENGESYURKAN SYARAT YANG SAMA DIKENAKAN KEPADA PARA PENSYARAH KERANA MENURUTNYA TERDAPAT PENSYARAH-PENSYARAH YANG GAGAL DALAM PILIHANRAYA CUBA MENGGUNAKAN BILIK KULIAH SEBAGAI ARENA POLITIK MEMBURUK-BURUKKAN USAHA KERAJAAN.

BELIAU MENARIK PERHATIAN MENTERI TENTANG ADANYA SETENGAH-SETENGAH SEMBAHYANG SUBUR DI UNIVERSITI DIGUNAKAN SEBAGAI PELUANG UNTUK MELANCARKAN KEMPEN MENENTANG KERAJAAN. -- BERSAMBUNGK

-- BERSAMBUNG 2140/ZCM

656:

PARLIMEN-UNIVERSITI 10 KUALA LUMPUR

ENCIK ARIFFIN HAJI DAUD (BN-PERMATANG PAUH) BERKATA SONGGUMPUN PINDAAN TERSEBUT AGAK BERAT TETAPI KENA PADA TEMPATNYA MEMANDANGKAN PERGOLAKAN TIDAK SIHAT DI KALANGAN PARA-PENUNTUT SEKARANG.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERHARAP KERAJAAN AKAN MEMPERTIMBANGKAN AGAR PEGAWAI ATAU PEKERJA UNIVERSITI BOLEH MEMBUAT RAYUAN KEPADA MAHKAMAH TINGGI SEGALA YANG MEREKA TIDAK PUAS HATI DAN TIDAK HANYA KEPADA MAJLIS UNIVERSITI SEPERTI YANG DIPERUNTUKAN DI BAWAH PINDAAN ITU.

BELIAU JUGA MENCADANG AGAR DIJADIKAN SATU KESALAHAN BAGI SESIAPA YANG MERAYAU KE DALAM KAWASAN UNIVERSITI DENGAN TUJUAN UNTUK MENGHASUT PARA-PELAJAR.-- BERSAMBUNG 2223/ZCM

657:

PARLIMEN-UNIVERSITI 11 KUALA LUMPUR

DR. HEE TIAN LAI (BN-AIR HITAM) MENGGESA MENTERI PELAJARAN MELAKSANAKAN KUASA YANG DIPERUNTUKAN ITU DENGAN PENUH TANGGONGJAWAB DAN TOLAK ANSUR.

BELIAU JUGA MENYERU NAIB CANSELOR MENGGUNAKAN KEBIJAKSANAANNYA SECARA ADIL UNTUK MEMBENARKAN PELAJAR-PELAJAR YANG JUJUR DAN BENAR-BENAR INGIN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERTUBUHAN-PERTUBUHAN DI DALAM ATAU DI LUAR KAMPUS.

BELIAU MEMUJI KERAJAAN KERANA MENJADIKAN PRESIDEN DAN SETIAUSAHA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SEBAGAI AHLI DALAM MAHKAMAH UNIVERSITI.

BAGAIMANA PUN, KATA DR. HEE, PELUANG LEBIH BESAR PATUT DIBERI KEPADA PELAJAR-PELAJAR UNTUK MENYUARAKAN PENDAPAT MEREKA.

TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD (BN-TUMPAT) BERPENDAPAT RANG UNDANG-UNDANG ITU HARUS DISAMBUT BAIK OLEH RAKYAT KERANA IA MENOLONG MENGATASI MASALAH KAMPUS SEKARANG.

BELIAU MEMBIDAS SETENGAH-SETENGAH PENSYARAH YANG MELEMPARKAN KRITIK MELULU TERHADAP NEGARA INI DI PERJUMPAAN-PERJUMPAAN ANTARA-BANGSA. -- BERSAMBUNG 2241/ZCM

658:

PARLIMEN-UNIVERSITI 12 KUALA LUMPUR

MENTERI UNDANG-UNDANG DAN PEGUAM NEGARA, TAN SRI ABDUL KADIR YUSOF MENAFIKAN TUDUHAN DR. TAN KONONNYA KETUA CAWANGAN KHAS SEORANG DIKTATOR.

KATANYA, NEGARA PATUT BERTERIMA KASIH KEPADA KETUA CAWANGAN TERSEBUT DAN KAKITANGANNYA KERANA TUGAS MEREKA YANG CEMERLANG UNTUK MENJAGA KESELAMATAN NEGARA.

KETUA CAWANGAN ITU, TERBESNYA, ADALAH SEORANG PEGAWAI YANG BERTANGGONGJAWAB DAN TIDAK MENJALANKAN TUGAS MENGIKUT KEMENDAKNYA SENDIRI. -- BERSAMBUNG 2244/ZCM

660:

PARLIMEN-UNIVERSITI 13 KUALA LUMPUR

MENGGULUNG PERBAHASAN, DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA RANG UNDANG-UNDANG ITU TIDAK BERTUJUAN MENEKAN PARA PELAJAR.

BELIAU SEDAR KEBANYAKAN DARI PARA PELAJAR TIDAK MAHU BERTINDAK DI LUAR UNDANG-UNDANG NEGARA DAN UNDANG-UNDANG TERSEBUT BERTUJUAN MEMELIHARA GOLONGAN PARA PELAJAR ITU.

DR. MAHATHIR BERKATA DI BAWAH SISTEM YANG ADA SEKARANG, KERAJAAN TIDAK BOLEH MENGAWASI SECARA BERKESAN KEGIATAN-KEGIATAN YANG BERLAKU DALAM KAMPUS UNIVERSITI.

+UMPAMANYA DI BAWAH SISTEM SUAIKENAL YANG DIJALANKAN DI KAMPUS, KITA MENYERAKAN BULAT-BULAT PARA PELAJAR BARU KEPADA PELAJAR-PELAJAR LAMA UNTUK DIBENTUK PERIBADI MEREKA.

+KERAPKALI GOLONGAN PELAJAR BARU INI DIGUNAKAN BAGI KEPENTINGAN PARA PELAJAR LAMA, DAN AKIBATNYA MEREKA TIDAK BOLEH MENUMPUKAN PERHATIAN TERHADAP PELAJARAN, + TEGASNYA.

DR. MAHATHIR BERKATA DIBAWAH RANG UNDANG-UNDANG ITU KERAJAAN BUKAN SAJA DAPAT MENGAWASI KEGIATAN-KEGIATAN SEPERTI ITU MALAH DAPAT PULA MENGAWALNYA. -- BERSAMBUNG 2257/ZCM

661:

PARLIMEN-UNIVERSITI 14 KUALA LUMPUR

MENTERI ITU MENOLAK KEMUNGKINAN RANG UNDANG-UNDANG ITU MENJADIKAN PARA PELAJAR SEBAGAI ROBOT YANG TIDAK BOLEH BERFIKIR DAN BERTINDAK DENGAN SENDIRI KERANA DIBENDUNG OLEH PERATURAN-PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG TERTENTU.

+SEBALIKNYA, PIDATO-PIDATO YANG DIADAKAN DI KAMPUS-KAMPUS ADALAH LEBIH DESTRUKTIF KERANA AKIBATNYA RAMAI PARA PELAJAR TELAH TERPENGARUH DAN TIDAK MAHU MENERIMA HAKIKAT-HAKIKAT YANG BERLAKU DI SEKELILING MEREKA, + TEGASNYA.

MENGENAI CADANGAN SUPAYA DIADAKAN LEBIH BANYAK DIALOG DAN FORUM DENGAN PARA PELAJAR BAGI MENYELESAI MASALAH-MASALAH, BELIAU MENEGASKAN USAHA-USAHA ITU TIDAK BERGUNA JIKA PARA PELAJAR ENGGAN MENERIMA PENDAPAT DAN PANDANGAN KERAJAAN.

+SAYA TELAH KERAP HADIR DI FORAM DAN DIALOG ANJURAN PARA PELAJAR DAN KERAPKALI DI EJEK OLEH MEREKA, +

+PERKARA BOOING INI SAYA ANGGAP SAPERTI BIASA TETAPI MAJLIS-MAJLIS ITU TIDAK BERFAEDAH JIKA IA DIADAKAN HANYA UNTUK MENGEJEK PENCERAMAH JEMPUTAN, + TEGAS DR. MAHATHIR.

DR. MAHATHIR JUGA MENGULANGI BAHAWA RANG UNDANG-UNDANG ITU TIDAK AKAN MENJEJASKAN KUASA OTONOMI UNIVERSITI KERANA IA AKAN TERUS DITADBIR OLEH PIHAK BERKUASA UNIVERSITI.

RANG UNDANG-UNDANG ITU, TEGASNYA, HANYA BERTUJUAN MENCEGAH KEGIATAN-KEGIATAN YANG MELANGGAR UNDANG-UNDANG DILAKUKAN DALAM KAMPUS UNIVERSITI.

PINDAAN-PINDAAN ITU KEMUDIANNYA DILULUSKAN PADA PUKUL 10.45 MALAM SETELAH PERBAHASAN SELAMA LIMA JAM. -- BERNAMA 2320/ZCM